

12 FEB 1996

Mahathir - Ilmu

PENTINGKAN JUGA ILMU LAIN SELAIN AGAMA, KATA MAHATHIR

ALOR SETAR, 12 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihati umat Islam supaya turut mementingkan ilmu lain selain mendalami ilmu agama.

Beliau berkata pengetahuan dalam ilmu-ilmu lain turut dituntut agama ke arah menjadikan umat Islam dihormati dan tidak tertinggal di belakang mereka yang beragama lain.

Mempelajari ilmu selain agama adalah fardu khifayah yang dituntut Islam, katanya pada majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid Bandar Bukit Kayu Hitam di sempadan Malaysia-Thailand, dekat sini.

Dr Mahathir berkata, banyak ilmu di dunia khusus perubatan, ilmu alam dan pelajaran diasaskan oleh cendekiawan Islam di zaman silam sehingga suatu ketika dahulu agama ini disanjung dan dihormati orang lain.

"Ilmu-ilmu ini penting dari segi agama kerana Islam tidak menyuruh semua penganutnya menjadi ulama tetapi ada di kalangan mereka menjadi pakar dalam bidang lain.

"Semua ini diperlukan untuk mengukuhkan umat Islam sehingga kita boleh mempertahankan diri. Sekiranya kita tidak mempunyai semua, boleh dikatakan bahawa kita tidak menunaikan fardu khifayah," katanya.

Dr Mahathir menasihati umat Islam supaya sentiasa bersyukur dengan rezeki, kemakmuran dan keamanan yang wujud di negara ini.

Katanya, Malaysia bernasib baik berbanding dengan sesetengah negara Islam lain kerana rakyatnya, walaupun berbilang bangsa dan berlainan agama, hidup dalam suasana harmoni.

Beliau turut mengingatkan umat Islam supaya tidak berpeluk tubuh dalam menghadapi kesenangan hidup.

Katanya, setiap orang perlu berusaha untuk mengubah nasibnya, terutama di Malaysia yang buminya subur dan sumber rezeki berada di mana-mana.

Beliau berpendapat bahawa di negara sebenarnya tidak patut ada orang miskin kecuali mereka yang tidak memilih untuk bekerja bagi mencari pendapatan, padahal rakyat negara lain melihat peluang mencari rezeki di Malaysia.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Menteri Besar Kedah Tan Sri Haji Osman Aroff, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman. -- BERNAMA

BD MFJ AKD